

MELESET:

PENIAGA

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

RAYUAN

PERDANA

MENTERI

KUALA LUMPUR, Jumaat — Rayuan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada negara-negara kaya untuk membawa dunia keluar dari keadaan kemelesetan dialu-alukan oleh para peniaga tempatan.

Gesaannya supaya kadar faedah yang lebih rendah telah mendapat perhatian ramai dengan para peniaga menyebut kos wang yang tinggi sebagai punca masalah ekonomi dunia.

"Beliau menyampaikan seruan itu tepat pada mereka yang berkenaan," kata Tan Sri S.O.K. Ubaidullah, Yang Dipertua Dewan Perniagaan India Bersatu di sini hari ini.

Ketika berucap di Majlis Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu Rabu lalu, Perdana Menteri berkata, kadar faedah yang tinggi dan dasar perlindungan yang semakin menjadi-jadi sebagai dua dasar yang mengakibatkan keadaan kemelesetan.

Beliau menggesa negara-negara maju bertindak dan mengubah dasar-dasar yang secara terang-terang adalah salah.

Tan Sri Ubaidullah berkata, seruan Datuk Seri Dr. Mahathir agar kadar faedah dikurangkan adalah satu gesaan masyarakat perniagaan di seluruh dunia.

Katanya: "Kos wang adalah begitu tinggi sehingga tidak seorang pun dapat menyimpan stok dan mengeluarkan pinjaman secara jangka panjang. Setiap firma perdagangan kini menyimpan stok minima dan menyediakan kemudahan pinjaman minima."